

**KESEDIAAN ISI RUMAH TERHADAP PROGRAM PENGASINGAN SISA
PEPEJAL DI PUNCA**

AFZAN BINTI AZHARI

**Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)**

**Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah
Universiti Teknologi Malaysia**

JUN 2016

DEDIKASI

Teristimewa buat suami yang sering mendorong dan memahami diri ini
Elmi Shah Bin Hj Mohd Khafe

Anak-anak yang disayangi
Emil Afnan & Emran Aziz

Ibu Bapa dan adik-adik yang sering membantu
Hj Azhari Bin Hj Jaffar & Hjh Habibah Abdul Aziz
Hamimah & Alameen

Ucapan jutaan terima kasih buat penyelia
Dr Norhidayah Binti Md Yunus

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat illahi ke atas limpah kurniaNya, dapat saya menyiapkan penulisan thesis ini. jutaan terima kasih kepada penyelia saya Dr. Norhidayah Binti Md Yunus yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan serta memberikan semangat untuk menyiapkan thesis ini. tanpa bantuan, dorongan serta tunjuk ajar beliau tidak mungkin thesis ini dapat disiapkan tepat pada waktunya.

Ucapan penghargaan saya tujukan kepada semua yang terlibat dalam menyediakan thesis ini, rakan-rakan dari Majlis Perbandaran Kulai, SWCorp Cawangan Kulai, SWM Environment Sdn. Bhd. dan Pengerusi KRT Zon Matahari, Taman Indahpura. sesungguhnya bantuan dan sokongan maklumbalas dari pihak anda semua membantu saya dalam menyiapkan tugas ini.

Saya juga ingin merakam ucapan ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah dan staf dari Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah yang banyak memberikan kerjasama bagi melancarkan urusan pembelajaran kami.

Dan akhir sekali adalah terima kasih kepada suami, ibu, bapa dan adik-adik serta anak-anak yang memahami dan memberikan peluang kepada saya untuk meneruskan pengajian. Tanpa kasih sayang, bantuan, dan dorongan anda semua, tidak mungkin penghargaan ini ditulis. Saya mengharapkan kajian ini akan memberikan manfaat dan pengetahuan kepada semua pembacanya. Semoga ianya dapat memberi nilai tambah kepada cabang ilmu yang sedia ada.

ABSTRAK

Kemakmuran dan kesejahteraan ekonomi di negeri Johor yang semakin berkembang sejajar dengan pelancaran koridor ekonomi wilayah selatan Iskandar Malaysia telah memberikan impak kepada proses urbanisasi dan kadar migrasi ke kawasan bandar khususnya bandaraya Johor Bahru dan Kulai. Kesan jelas adalah dari pertambahan kepadatan penduduk ke atas sesuatu kawasan, Namun kesan tidak jelasnya adalah dari segi pengurusan sisa pepejal penduduk di kawasan tersebut. Bermula 1 September 2015 yang lepas, kerajaan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mewajibkan sisa pepejal isi rumah diasingkan secara berperingkat di negeri-negeri dan wilayah-wilayah persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang, Johor, Negeri Sembilan, Perlis dan Kedah. Ini berikutan kajian menunjukkan bahawa penjanaan sisa pepejal di semenanjung Malaysia bagi tahun 2013 adalah sebanyak 30,000 tan sehingga 33,000 tan sehari terdiri dari pelbagai komposisi sisa pepejal seperti sisa makanan, plastik, kertas, besi, kaca dan lain-lain. Program ini telah diadaptasi dari negara-negara maju seperti Jepun dalam pengurusan sisa pepejalnya. Langkah ini diperkenalkan bagi melibatkan masyarakat sebagai salah satu agen pelaksanaan program ini dan juga membantu mewujudkan Malaysia yang aman, indah dan sejahtera. Namun begitu, belum ada kajian ke atas prestasi perlaksanaanya oleh SWCorp Malaysia dan kajian ke atas penerimaan dan pelaksanaan oleh masyarakat. Oleh yang demikian adalah penting untuk kerajaan mengetahui prestasi pelaksanaan program ini oleh SWCorp Malaysia. Dengan itu juga hasil kajian ini dapat memberikan kerajaan cadangan penambahbaikan ke atas program agar ianya dapat disesuaikan dengan persekitaran masyarakat Malaysia.

ABSTRACT

The prosperity of the economy in Johor is booming in line with the launch of Iskandar Malaysia which is also known as South Johor Economic Region have resulted an impact on the urbanization and the migration rate to the urban area which in this case are Johor Bahru and Kulai. The obvious effect were the ever increasing amount of the density of population in a specific area. However the underlying effect was the solid waste management issue. Starting from 1 September 2015, the government through the Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government have require the separation at source steps to be execute by all citizen in phases on every state and federal territory of Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang, Johor, Negeri Sembilan, Perlis and Kedah. The reason behind this was studies shows that the generation of solid waste in peninsular Malaysia in 2013 was almost 30,000 tonnes to 33,000 tonnes per day, which consist of variety of solid waste compositions such as food balance, plastic, paper, steel, glass and such. This program was adopted from the countries such as Japan in its solid waste management. It was introduce to increase the public participation as a implementation agent and also to promote a clean, secure and prosperous Malaysia . However, there has yet not been any study on the performance of the separation at source program by SWCorp Malaysia. Therefore it is important for the government to acknowledge the performance level so that it will provide an improvement measure for the program hence that it can be adjusted to suit the community in Malaysia.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL TESIS	1
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Penyataan Masalah	4
	1.3 Matlamat Kajian	5
	1.4 Objektif Kajian	5
	1.5 Skop Kajian	5

1.6	Kepentingan Kajian	10
1.7	Susunatur Bab	11
1.8	Rumusan	12
2	PENGURUSAN SISA PEPEJAL	13
2.1	Sejarah Pengurusan Sisa Pepejal di Dunia	13
2.2	Sejarah Pengurusan Sisa Pepejal di Asia	14
2.3	Pengurusan Sisa Pepejal di Malaysia	17
	2.3.1 Polisi dan Program-Program Pengurusan Sisa Pepejal	20
2.4	Tafsiran Isi Rumah	26
2.5	Tafsiran Sisa Pepejal	27
2.6	Penjanaan Sisa Pepejal	28
2.7	Penswastaaan Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal di Malaysia	29
2.8	Program Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca	30
	2.8.1 Langkah-langkah Program Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca	31
2.9	Perlaksanaan Program Pengasingan Sisa Pepejal di Punca Oleh SWCorp Malaysia	36
	2.9.1 Penyediaan <i>Key Performance Indicator</i> (KPI)	38
	2.9.2 Penguatkuasaan	41
	2.9.3 Fasiliti yang disediakan	43
	2.9.4 Latihan dan Program Kesedaran	44
2.10	Penglibatan Masyarakat dan Komuniti Tempatan Dalam Pengurusan Sisa Pepejal	46
2.11	Kesediaan Masyarakat	47
2.12	Rumusan	50

3	METODOLOGI KAJIAN	51
3.1	Pendahuluan	51
3.2	Kajian-Kajian Lepas	52
3.3	Metodologi Kajian	53
3.3.1	Peringkat Kajian Awal dan Teoritikal	54
3.3.2	Peringkat Pengumpulan Maklumat	54
3.3.3	Peringkat Kajian Lapangan dan Penganalisaan	55
3.3.4	Peringkat Penemuan, Cadangan dan Kesimpulan	55
3.4	Kawasan Kajian	55
3.5	Populasi dan Sampel Kajian	57
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	58
3.6.1	Data Primer	58
3.6.2	Data Sekunder	59
3.7	Rekabentuk Kajian	59
3.8	Pengumpulan data	60
3.8.1	Kajian Literatur Bagi Konsep, Teori Kesediaan Isi Rumah Terhadap Program Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca	60
3.8.2	Pengendalian Borang Soal Selidik Isi Rumah	61
3.9	Pembentukan Borang Soal Selidik	61
3.9.1	Pembentukan borang soal selidik kepada isi rumah	62
3.10	Kaedah Penganalisaan Data	65
3.11	Rumusan	65
4	KAJIAN KES	66
4.1	Pendahuluan	66
4.2	Pengisytiharan Daerah Kulai dan Pembubaran Namanya	68
4.3	Zon Matahari, Taman Indahpura, Kulai, Johor	70

4.3.1	Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Zon Matahari, Taman Indahpura	71
4.3.2	Penilaian Kemenangan Anugerah Taman Perumahan Bersih Peringkat Daerah Kulai	71
4.4	Pihak Berkuasa Tempatan	74
4.4.1	Tugas Pihak Berkuasa Tempatan	76
4.4.2	Peranan Pihak Berkuasa Tempatan Selepas Akta 672	79
4.5	SWCorp Malaysia	80
4.5.1	Fungsi SWCorp Malaysia	80
4.5.2	Pelan Strategik SWCorp Malaysia	81
4.5.3	Carta Organisasi SWCorp Malaysia	86
4.5.4	Objektif SWCorp Malaysia	88
4.6	SWM Environment Sdn Bhd	89
4.6.1	Perkhidmatan SWM Environment Sdn. Bhd.	90
4.7	Rumusan	92
5	ANALISIS KAJIAN	94
5.1	Pengenalan	94
5.2	Kaedah Analisis	95
5.2.1	Kaedah Analisis Soalan Temubual	95
5.2.2	Kaedah Analisis Borang Soal Selidik	95
5.3	Analisis Data Borang Soal Selidik	96
5.3.1	Analisis Latar Belakang Responden	96
5.3.2	Analisis terhadap tahap pemahaman berkenaan dengan Program Pengasingan Sisa Pepejal	99
5.3.3	Analisis terhadap tahap Rasional Melaksanakan Program Pengasingan Sisa Pepejal	101

6	KESIMPULAN DAN CADANGAN	104
6.1	Pengenalan	104
6.2	Penemuan Kajian	105
6.2.1	Objektif 1: Mengkaji Kesediaan Masyarakat terhadap Program Pengasingan Sisa Pepejal di Punca	105
6.2.2	Objektif 2: Mengkaji Penerimaan Masyarakat Terhadap Program Pengasingan Sisa Pepejal di Punca	106
6.3	Cadangan Kajian	107
6.3.1	Halangan terhadap Kesediaan Masyarakat	107
6.3.2	Memudahkan Penguatkuasaan	108
6.4	Limitasi Kajian	108
6.5	Cadangan Kajian Lanjutan	109
6.6	Penutup	109
	RUJUKAN	110

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
1.1	Komposisi Sisa Pepejal Di Malaysia 2005	2
1.2	Penjanaan Sisa Pepejal Di Semenanjung Malaysia	3
1.3	Purata Janaan Sampah Untuk Seorang Di Malaysia	3
1.4	Perbezaan di antara JPSPN dan PPSPPA	10
2.1	Kadar populasi bagi Negara Asia dan penjanaan sisa pepejalnya	16
2.2	Penghasilan sisa pepejal mengikut Bandar utama di Malaysia	17
2.3	Jumlah barangan yang dikitar semula dan hasil kutipan jualanya	25
2.4	Sumber-sumber sisa pepejal	28
2.5	Langkah-langkah Program Pengasingan Sisa Di Punca	32
3.2	Pembahagian Soalan Borang Soal Selidik	62
3.3	Skala pengukuran tahap persetujuan	64
4.1	Pecahan mukim, kampung, dan rancangan Felda	69
4.2	Jumlah penduduk di dalam Daerah Kulai	70
4.3	Statistik jumlah pihak berkuasa tempatan seluruh Malaysia	76
4.4	Bahagian di dalam SWCorp Malaysia	87
5.8	Keputusan Latar Belakang responden	97
5.9	Analisa Ppemahaman berkenaan dengan Program Pengasingan Sisa Pepejal di Punca	199
5.10	Analisa Rasional Melaksanakan Pengasingan Sisa Pepejal	101

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	PERKARA	MUKA SURAT
2.1	Langkah dan strategi utama sistem pengurusan sisa pepejal	18
2.2	Sisa Baki yang perlu dimasukkan ke dalam tong	33
3.1	Zon Ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia	56
3.2	Kedudukan Zon Matahari, Taman Indahpura	57
3.3	Pembentukan Borang Soal Selidik	63
4.1	Kedudukan daerah Kulai	67
4.2	Peta Mukim di Dalam Daerah Kulai	68
4.3	Pelan strategik 2014-2020 SWCorp Malaysia	86
4.4	Carta Organisasi SWCorp Malaysia	88

SENARAI SINGKATAN

3R	-	<i>Reduce, Reuse, Recycle</i>
ABC	-	<i>Action Plan for A Beautiful And Clean Malaysia</i>
DTRO	-	<i>Dics Tube Reverse Osmosis</i>
EPU	-	Unit Perancang Ekonomi
JICA	-	<i>Japan International Corporation Agency</i>
JKT	-	Jabatan Kerajaan Tempatan
JPSPN	-	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
KPI	-	<i>Key Performance Indicator</i>
KPKT	-	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
KRT	-	Kawasan Rukun Tetangga
MAMPU	-	Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MBJB	-	Majlis Bandaraya Johor Bahru
MPJBT	-	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah
MPKU	-	Majlis Perbandaran Kulai
NCLG	-	<i>National Council of Local Government</i>
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
PPSPPA	-	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
RORO	-	<i>Roll On Roll Off</i>
SESO	-	<i>Strategize, Energize, Synergize, Operationalize</i>
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Science</i>
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TPSS	-	Tapak Pelupusan Sanitari Seelong
TSB	-	Tong Sampah Beroda
WHM	-	<i>Winning The Hearts And Minds</i>

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Set Soalan Soal Selidik bagi kajian Kuantitatif	113
B	Keratan Akhbar bertarikh 3 Disember 2015	118
C	Keratan Akhbar bertarikh 18 Januari 2016	119
D	Keratan Akhbar bertarikh 19 Februari 2016	120
E	Keratan Akhbar bertarikh 11 Mei 2016	121
F	Borang Penilaian Kerja oleh SWCorp Malaysia	122

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kemakmuran ekonomi di negeri Johor dan bandaraya Johor Bharu secara khususnya telah melempiaskan kesan kepada kadar urbanisasi yang juga secara langsung menyumbang kepada impak tersembunyi, di mana penghasilan sampah sarap yang bertambah dari tahun ke tahun. Ini dipengaruhi oleh perubahan kepada corak penggunaan dan kurangnya aktiviti kitar semula oleh masyarakat. Pihak berwajib dilihat perlu menggembleng tenaga secara efektif untuk memastikan pengurusan pelupusan sisa pepejal diuruskan dengan lebih efisien.

Bermula 1 September 2015 yang lepas kerajaan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun mewajibkan sisa pepejal isi rumah diasingkan secara berperingkat di negeri-negeri dan wilayah-wilayah persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang, Johor, Negeri Sembilan, Perlis dan Kedah yang juga menerima pakai Akta 672 – Akta Pengurusan Sisa Pepjal dan Pembersihan Awam 1972.

Langkah ini diperkenalkan bagi pengasingan sisa pepejal di punca adalah proses mengasingkan sisa pepejal yang dihasilkan di punca mengikut komposisi sisa pepejal iaitu kertas, plastik dan lain – lain bahan kitar semula seperti kaca, seramik, tin aluminium, besi, logam, sisa elektronik atau barang elektrik lain, bahan pabrik seperti kasut getah atau kulit dan sisa berbahaya. Ianya juga melibatkan sisa baki seperti sisa makanan, lampin pakai buang dan sisa lain yang kotor.

Kerajaan berpendapat inilah masanya Malaysia yang menerima langkah ini dengan hati terbuka serta melibatkan diri secara terus dalam memastikan persekitaran yang kondusif untuk diduduki, tidak kurang juga yang menanggap ianya bukan tugas mereka untuk membantu kerajaan dalam melaksanakan pengasingan ini dari puncanya. Namun pihak kerajaan percaya usaha ini akan mencapai objektifnya dengan penglibatan pelbagai pihak.

Jadual 1.1: Komposisi Sisa Pepejal Di Malaysia 2005

Komponen	Peratusan (%)
Sisa Makanan	45
Plastik	24
Kertas	7
Besi	6
Kaca	3
Lain-lain	15
JUMLAH	100

Sumber:Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (2007)

Jadual 1.1 di atas menjelaskan tentang komposisi sisa pepejal di Malaysia bagi tahun 2005. Ianya menunjukkan sisa makanan merupakan peratusan terbesar iaitu sebanyak 45 peratus dari keseluruhan komposisi sisa pepejal di Malaysia. Manakala kaca merupakan jenis sisa pepejal dengan peratusan terkecil.

Jadual 1.2: Penjanaan Sisa Pepejal Di Semenanjung Malaysia

Tahun 2005	Tahun 2012	Anggaran Tahun 2020	Kini (2013)
17,000 tan sehari	22,000 tan sehari	30,000 tan sehari	Mencecah 30,000 hingga 33,000 tan sehari

Sumber: SWCorp Malaysia (2013)

Jadual 1.2 menunjukkan jumlah penjanaan sisa pepejal di semenanjung Malaysia pada tahun 2005 iaitu sebanyak 17,000 tan sehari. Jumlah ini telah meningkat kepada 22,000 tan sehari pada tahun 2012 dengan jumlah sebanyak 22,000 tan sehari dan 30,000 sehingga 33,000 tan sehari pada tahun 2013. Anggaran bagi tahun 2020 pula dijangkakan akan kekal mencecah 30,000 sehari.

Jadual 1.3: Purata Penjanaan Sampah Untuk Seorang Di Malaysia

Sehari	0.80kg/kapita (purata)
Sehari	1.25kg/kapita (di pusat-pusat bandar seperti Kuala Lumpur atau Georgetown)

Sumber: SWCorp Malaysia (2012)

Purata penjanaan sampah oleh seorang isi rumah di Malaysia di tunjukkan di dalam Jadual 1.3 iaitu sebanyak 1.25kg per kapita di pusat-pusat bandar seperti Kuala Lumpur dan bandar Georgetown, Pulau Pinang.

1.2 **Penyataan Masalah**

Bermula 1 September 2015 yang lepas kerajaan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun mewajibkan sisa pepejal isi rumah diasingkan secara berperingkat di negeri-negeri dan wilayah-wilayah persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Kedah yang juga menerima pakai Akta 672 iaitu Akta Pengurusan Sisa Pepjal dan Pembersihan Awam 1972.

Dengan berkuatkuasanya undang-undang ini, setiap isi rumah diwajibkan melaksanakan amalan mandatori pengasingan sisa pepejal di punca yang akan berkuat kuasa bermula 1 September 2016, atau akan berdepan dengan hukuman denda tidak kurang daripada RM1,000.00. Namun begitu penguatkuasaanya telah ditangguhkan kepada 1 Jun 2016.

Adalah menjadi keutamaan bagi setiap isi rumah mengetahui cara yang betul untuk menjayakan Program Pengasingan Sisa Di Puncabagi memastikan bahan buangan domestik dapat dilupuskan secara sistematik, dan penting juga untuk untuk isi rumah mengambil maklum bahawa tong sampah yang dibekalkan tidak boleh menempatkan sisa yang boleh dikitar semula dan hanya menempatkan sisa domestik sahaja. Dengan usaha yang telah digembleng oleh pihak-pihak berkaitan adalah menjadi keperluan untuk kajian ini dilaksanakan bagi mengetahuikesediaan isi rumah terhadap Program Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca ini.

1.3 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk memberi penjelasan berkaitan kesediaan isi rumah terhadap Program Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca agar kerajaan dapat menilai sejauh mana penerimaan dan perlaksanaannya oleh isi rumah terhadap program ini.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai objektif-objektif yang telah ditetapkan seperti berikut:

- i. Mengkaji kesediaan isi rumah terhadap Program Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca
- ii. Mengkaji penerimaan masyarakat terhadap pelaksanaan Program Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca

1.5 Skop Kajian

Skop kajian akan mengkaji kesediaan isi rumah terhadap Program Pengasingan Sisa Pepejal di Punca yang difokuskan di daerah Kulai yang merupakan daerah yang mempunyai keluasan sebanyak 753.45 km persegi dengan kepadatan penduduk seramai 192,000 orang penduduk. Kulai adalah daerah yang merangkumi kawasan-kawasan Bandar Kulai, Ayer Bemban, Bukit Batu, Kangkar Pulai, Kelapa Sawit, Saleng, Sedenak, Seelong, Senaidan Sengkang.

Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) adalah Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab menjaga keseluruhan daerahKulai. Majlis Daerah Kulai telah di tubuhkan pada 1 Januari 1976. Ianya telah di bentuk daripada gabungan 9 buah majlis tempatan, iaitu Kulai, Senai, Kelapa Sawit, Seelong, Saleng, Sengkang, Ayer Bemban, Sedenak dan Bukit Batu. Pada tahun 2004 meyaksikan pihak berkuasa tempatan ini dinaik taraf dari Majlis Daerah Kulai (MDK) kepada Majlis Perbandaran Kulai. Ini adalah berikutan kepesatan pembangunan daerah Kulai yang merupakan salah sebuah daerah yang terlibat dalam Wilayah Iskandar Malaysia. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan Malaysia telah menaik taraf dengan turut memberi pertambahan perjawatan di dalam MPKU berikutan dengan pertambahan kutipan cukainya.

Pada awal penubuhannya, Majlis Daerah Kulai (MDK) mempunyai keluasan kawasan sebanyak 123.336 km persegi merangkumi 40 rantaian jalan raya persekutuan utama bagi menuju ke bandaraya Johor Bahru, Senai, Ayer Hitam dan Kota Tinggi. Pentadbiran Majlis Daerah Kulai juga meliputi laluan bagi Keretapi Tanah Melayu Berhad yang telah menghubungkan perjalanan daripada utara hingga ke selatan dan terus ke Singapura. Lokasi strategik Kulai yang mudah untuk di hubungi dari pelbagai arah telah menyebabkan ia di pilih sebagai ibu pejabat untuk mentadbir kawasan-kawasan yang berada di bawah pentadbirannya.

Antara peranan penting yang dimainkan oleh Majlis Perbandaran Kulai adalah seperti berikut antaranya:

- i. Merancang, meransang dan mengawal pembangunan di kawasan-kawasan Majlis Perbandaran Kulaijaya melalui Rancangan Struktur / Rancangan Tempatan.
- ii. Penganjuran pelupusan sisa iaitu sisa pepejal dan kerja-kerja pembersihan di kawasan pentadbiran Majlis.

- iii. Menjaga perkiraan lesen dan aktiviti kawalan pengindahan dalam kawasan pentadbiran majlis.
- iv. Mengekalkan dan menaik taraf kemudahan asas dan peningkatan status infrastruktur untuk menggalakkan aktiviti ekonomi dan sosial yang berdaya maju.

Di peringkat kerajaan persekutuan bagi menguatkuasakan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang lebih efisien dan efektif, sebuah akta telah digubal iaitu Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672). Akta ini telah memberikan kuasa mutlak kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengambilalih pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam daripada pihak berkuasa tempatan di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan. Pelaksanaan Akta 672 dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam telah mencetuskan satu perubahan besar dalam operasi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Malaysia.

Selepas Akta 672 dikuatkuasakan, semua kerja-kerja pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam akan dilaksanakan sepenuhnya oleh sebuah perbadanan. Perubahan ini melibatkan pengambilalihan dengan serta merta tanggungjawab pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam daripada semua PBT. Ini adalah kerana PBT tidak mempunyai kuasa dari segi undang-undang untuk mengendalikan kerja-kerja kutipan dan pelupusan sampah serta perkhidmatan pembersihan awam seperti membersihkan jalan, tempat awam, tandas awam dan longkang. Perbadanan akan mengambilalih pengurusan dan operasi semua tapak pelupusan yang diuruskan oleh PBT termasuk mengenalpasti dan menilai potensi penggunaan tapak pelupusan sanitari, stesen pemindahan, teknologi pelupusan terkini dan pengurusan loji.

Manakala Akta Perbadanan dan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 673) pula dengan terperinci menerangkan tentang penubuhan, tanggungjawab, kuasa dan pentadbiran perbadanan yang akan dipertanggungjawabkan untuk menguruskan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp Malaysia) telah ditubuhkan bagi melengkapkan dan menjayakan Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Secara amnya, dasar ini bertujuan untuk mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang menyeluruh, berintegrasi, kos efektif dan mampan yang dikehendaki oleh masyarakat yang mementingkan pemuliharaan alam sekitar dan kesejahteraan awam.

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp Malaysia) ini telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 Jun 2008 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ianya mempunyai kuasa untuk mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Peranan perbadanan adalah untuk memastikan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang lebih efisien, bersepadu di samping memberikan kepuasan yang lebih baik kepada pengguna dari segi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Manakala Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) pula telah ditubuhkan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang diluluskan Parlimen pada 17 Julai 2007 dan diwartakan pada 30 Ogos 2007, bagi mengintegrasikan sistem pengurusan sisa pepejal di peringkat nasional. Akta ini memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan tanggungjawab mengenai pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Sebelum penubuhan JPSPN, pengurusan sisa pepejal pada awalnya terletak di bawah Bahagian Kejuruteraan Kesihatan Persekitaran serta Bahagian Implementasi Projek, Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Setelah Akta 672 dan Akta 673 diluluskan, fungsi ini telah dipindahkan kepada JPSPN dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp Malaysia).

Fungsi bagi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara adalah seperti berikut:

- i. Mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang menyeluruh, bersepadu, kos efektif, mapan dan diterima masyarakat yang mementingkan pemeliharaan alam sekitar, pemilihan teknologi yang mampu bayar dan menjamin kesihatan awam
- ii. Melaksanakan pengurusan sisa pepejal berdasarkan *waste management hierarchy* yang memberi keutamaan kepada pengurangan sisa melalui 3R, rawatan perantaraan dan pelupusan akhir

Jadual 1.4: Perbezaan di antara JPSPN dan PPSPPA

JPSPN	SWCorp Malaysia
Seksyen 6(1), Akta 672	Seksyen 17(1), Akta 673
Mewujudkan dasar, rancangan dan strategi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam	Mengesyor dan melaksanakan dasar, rancangan dan strategi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
Merumus rancangan bagi pengurusan sisa pepejal seperti lokasi, saiz kemudahan, skim pengurusan sisa pepjal dan jangka masa perancangan	Mengesyor rancangan bagi pengurusan sisa pepejal seperti lokasi, saiz kemudahan, skim pengurusan sisa pepjal dan jangka masa perancangan
Menetapkan standard dan spesifikasi dan tata amalan	Mengawasi pematuhan standard, spesifikasi dan tata amalan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
Melaksanakan fungsi pengawalseliaan	Melaksanakan dan menguatkusakan undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan juga mengesyorkan pembaharuan undang-undang
Memberikan lesen dan juga kelulusan	

Sumber: Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (2011)

Jadual 1.4 di atas memberikan perbezaan di antara Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan SWCorp Malaysia bagi memberikan gambaran yang jelas perbezaan bidang tugas antara kedua-duanya.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat memberiperspektif berbeza kepada SWCorp Malaysia berkenaan dengan kesediaan isi rumah terhadap Program Pengasingan Sisa Pepejal

di Punca. Ianya juga penting kerana memberi maklumbalas kepada SWCorp Malaysia berkenaan penerimaan masyarakat terhadap program ini. Ini kerana sejumlah besar peruntukan telah dibelanjakan untuk memberi kesedaran dan membuat hebahan kepada masyarakat oleh pihak kerajaan kepada Masyarakat.

1.7 Susunatur Bab

Bab 1 dimulakan dengan pengenalan kepada kajian, kemudian diikuti oleh, pernyataan masalah, matlamat kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian kepada pelbagai pihak, metodologi kajian dilaksanakan dan diakhiri oleh susunatur setiap bab.

Bab 2 merupakan kajian literatur yang membincangkan tentang sejarah pengurusan sisa pepejal di dunia dan di Asia. Bab ini juga mengandungi tafsiran-tafsiran bagi keseluruhan kajian. Maklumat-maklumat bagi bab ini diperolehi hasil dari rujukan kepada kajian-kajian lepas, jurnal-jurnal berkaitan dan pelbagai lagi jenis bahan rujukan.

Bab 3 adalah metodologi kajian yang digunakan untuk tujuan pengumpulan maklumat. di dalam bab ini juga penerangan berkenaan kaedah maklumat diperolehi oleh pengkaji. ia juga member penerangan lanjut berkenaan dengan pembentukan soalan-soalan bagi tujuan pengumpulan maklumat primer.

Bab 4 menyatakan tentang fokus kajian secara lebih mendalam kepada kawasan kajian.

Bab 5 menerangkan tentang analisis kepada data-data kajian yang telah diperolehi melalui metod-metod kajian yang telah digunakan oleh pengkaji. .bagi menjawab persoalan kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif.

Bab 6 memberikan kesimpulan bagi keseluruhan kajian. Ianya turut merangkumi penemuan dan cadangan penambahbaikan bagi kajian-kajian akan datang.

1.8 Rumusan

Program Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca merupakan sebuah langkah kerajaan dalam menangani peningkatan jumlah sisa pepejal yang dibawa ke tapak-tapak pelupusan. Program ini dilihat perlu ditangani diperingkat akar umbi bagi menjamin kelestarian alam sekitar.

Namun begitu sejauh mana kesediaan isi rumah dalam menjayakan program ini. Adalah penting untuk diingatkan kepada pembaca bahawa, kejayaan program ini bergantung sepenuhnya kepada perlaksanaan oleh isi rumah itu sendiri.

Oleh itu kajian ini ingin melihat tahap kesediaan isi rumah terhadap program ini dan juga penerimaan dan perlaksanaan mereka, agar ianya dapat diperkembangkan dan ditambahbaik supaya berjaya mencapai hasrat mewujudkan Malaysia yang indah, bersih dan sejahtera.

RUJUKAN

- Abdelnaser Omran and Abdelsalam O. Gebril (2011), *Study Of Household Attitude Towards Recycling Of Solid Waste: A Case Study*, ACTA Technica Corviniesis-Bulletin of Engineering, Tome IV, ISSN 2067-3809
- Adrian Moore, James Nolan, Geoffrey F. Segal (2005), *Putting Out The Trash: Measuring Municipal Service Efficiency In US Cities*, Urban Affairs Review, Vol.41, No. 2 237-259
- Agamuthu Periathamby dan Fauziah Shahul Hamid (2009), *Evolution Of Solid Waste Management In Malaysia: Impacts And Implications Of The Solid Waste Bill, 2007*, J Mater Cycles Waste Manag 11:96-103
- C. Courcelle, M.P Kestmont and D. Tyteca (1998) *Assessing The Economic And Environmental Performance Of Municipal Solid Waste Collection And Sorting Programme*, Waste Management & Research, Vol. 16. 3 253-263k
- Douglas J. Lober (1966), *Municipal Solid Waste Policy And Public Participation In Household Source Reduction*, Waste Management & Research, 14 125-143
- Halimah Ismail (2015), *Good Governance In Malaysia's Integrated Solid Waste Management – Challenges In Policy Implementation Towards The Public*, Research Gate
- Hazman Shah Abdullah dan Maniam Kalianan (2008), *From Customer Satisfaction To Citizen Satisfaction: Rethinking Local Government Service Delivery In Malaysia*, Asian Social Science Vol. 4, No. 11
- Jamal Othman, *Economic Valuation Of Household Preference For Solid Waste Management In Malaysia : A Choice Modelling Approach*, International Journal Of Management Studies IJMS 14 (1), 789-212

- Janet M. Kelly and David Swindell (2002), *A Multipl- Indicator Approach To Municipal Service Evaluation : Correlating Performance Measurement And Citizen Satisfaction Accross Jurisdiction*, Public Administration Review Vol. 62 No.5
- Jayashree Sreenivasan, marthandan Govindan, Malarvizhi Chinnasami dan Indrakaran Kadiresu (2012), *Solid Waste Management In Malaysia- A Move Towards Sustainability*, InTech Open Science, Chapter 3
- Joan Ballantine, Stan Brignall Sven Modell (1997), *Performance Measurement Management In Public Health Services A Comparisons Ok U.K And Swedish Practice*, Management Accounting Research, 9, 71-94
- John Olmsted (2007), *Japan Recycling: More Efficient Than USA*, UW- Stout Journal Of Student Research
- Margaret Banga (2011), *Household Knowledge, Attitudes And Pratices In Solid Waste Segregation And Recycling: The Case Of Urban Kampala*, Zambia Social Science Journal, Volume 2, Number 1, Article 4
- Mohd Nazri Bin Zakaria dan Razli Che Razak (2011), *Amalan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Dan Prestasi Pihak Berkuasa Tempatan*, Internationbal Conference On Management (ICM 2011) Proceeding
- Muhamad Azahar Abas dan Seow Ta wee (2014), *Municipal Solid Waste Management In Malaysia: An Insight Towards Sustainability*, 4th International Conference On Human Habitat & Environment
- Muahmmad Suhaimi Taat (2013), Buletin Pendidik, Universiti Utara Malaysia
- Nadi Behzad, Rodzi Ahmad, Pirasteh Saied, Shamshiry Elmira dan Mazlin Bin Mokhtar (2011), *Challenges Of Solid Waste Management In Malaysia*, Research Journal Of Chemistry And Environment, Vol 15 (2)
- Omran A. Mahmood, A. Abdul Aziz, H. & Robinson (2009), *Investigating Household Attitude Towards Recycling of Solid Waste in Malaysia: A Case Study*, International Environment Reasearch Journal, 3(2): 275-288
- Pelan Tindakan *Winning The Hearts And Minds* (WHM), SWCorp Malaysia
- Rozita Abdul Mutalib (2014), *The Effect Of Federal Government Policy On Local Government Service Delivery: A Case Study On Refuse Collection Privatization*, Universiti Utara Malaysia

- S. Oduro-Kwarteng , K.P Anarfi and HMK Essandoh (2015), *Source Separation And Recycling Potential Of Municipal Solid Waste In Ghana*, Management Of Environmental Quality: An International Journal, vol 27, No. 2 pp. 210-226
- Saripah Abdul Latif, Mohd Shukri Omar, Yeop Hussin Bidin dan Zainudin Awang, *Environmental Problems And Quality Of Life: Situational Factor As A Predictor Of Recycling Behaviour*, Procedia –Social And Behavioral Sciences 35 (2012) 682-688
- Seow Ta Wee dan Indera Syahrul Mat Radzuan (2005), Sikap Masyarakat Terhadap Program Kitar Semula: Kajian Kes Di Daerah Batu Pahat, Johor, Journal of Techno-Social
- Sintana E. Vergara dan George Tchobanoglous (2012), *Municipal Solid Waste And The Environment: A Global Perspective*, Annual Rev. Environmental Resources 37:277-309
- SWCorp News Bil 4/2015 (2015), SWCorp Malaysia
- SWCorp News Bil 5/2015 (2015), SWCorp Malaysia
- Theodore H. Poister and Gregory Streib (1999) *Performance Measurement In Municipal Government: Accessing The State Of The Practise*, Public Administration Review, July/ August 1999, Vol 59, No.4
- Tey Jia Sin, Dr. Goh Kai Chen, Dr. Kek Sie Long dan Ir. Dr. Goh hui Hwang (2013), *Current Practise Of Waste Manaegement System In Malaysia : Towards Sustainable Waste Management*,
- Zaherawati Zakaria, Nazri Nordin, Mahazril Aini Yaacob, Kamarudin Ngah, Mohd Zool Hilmie Mohd Syawal dan Jamaludin Mustaffa (2011), *Relationship Between Waste Disposal And Public Satisfaction In Local Authoritites In Kedah*, Canadian Academy of Oriental and Occidental Culture, Vol. 7, No. 4, 2011, PP. 53-57